

Ikuti kami di    

MEDIA PRIMA BERHAD SETUJU TRANSFORMASI PENJENAMAAN SEMULA KOPERASI NSTP



Wakil Koperasi NSTP sedang berbincang dengan Encik Azlan Abdul Aziz, Pengurus Besar Kumpulan Komunikasi Korporat Media Prima Berhad, dalam sesi kunjungan hormat.



Dari kiri: Encik Fazleesham Mohd Yunus, Bendahari Koop NSTP; Encik Mahathir Mohd Sidi, Pengurus Kumpulan Komunikasi Korporat Media Prima Berhad; Encik Azlan Abdul Aziz, Pengurus Besar Kumpulan Komunikasi Korporat Media Berhad; Encik Mohd Fadzil Abd Ghani, Pengerusi Koop NSTP dan Encik Abdul Rahim Llin, Setiausaha Koop NSTP.

OGOS 2024 – Pengurusan Media Prima Berhad (MPB) terus memberi sokongan kepada Koperasi NSTP (KNSTP) dalam usaha meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan dan kebajikan untuk anggota.

Terkini, syarikat menyokong penuh penjenamaan semula KNSTP kepada Koperasi Media Prima Berhad (KMPB) yang dilihat lebih relevan dengan halatuju operasi Kumpulan MPB.

Anggota Lembaga dan pengurusan KNSTP amat menghargai komitmen padu Pengarah Urusan Kumpulan MPB, Encik Rafiq Razali, Pengarah Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, selaku Yang Dipertua KNSTP, serta pengurusan kanan syarikat dalam usaha transformasi ini. Pelbagai keistimewaan serta faedah kumpulan MPB dapat dimanfaatkan dengan jalinan dinamik ini. Sekaligus, menambah keyakinan serta minat kakitangan Media Prima Berhad untuk menjadi anggota.

KNSTP kini sedang berurusan dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk merealisasikan penukaran nama ini yang telah dicadangkan & diluluskan ketika Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KNSTP ke-56 pada 23 Jun 2024.

Sesi kunjungan hormat berkenaan cadangan penukaran nama telah dibincangkan bersama Encik Azlan Abd Aziz, Pengurus Besar Kumpulan Komunikasi Korporat Media Prima Berhad pada 7 Ogos 2024 yang lalu. KNSTP diwakili oleh Pengerusi, Encik Mohd Fadzil Hj Abd Ghani, Setiausaha, Encik Abdul Rahim Llin dan Bendahari, Encik Fazleesham Mohd Yunus. Turut hadir dalam pertemuan tersebut adalah Encik Mahathir Mohd Sidi, Pengurus Kumpulan Komunikasi Korporat Media Prima Berhad.

Semoga idea penjenamaan semula ini memberi kebaikan kepada anggota koperasi dan kakitangan kumpulan MPB. Inshaallah.

#KOOPNSTP

#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAZIA